

FSAS Utamakan Keselamatan Kakitangan

Oleh: DELL ERSHADE (Pegawai Tadbir FSAS)

KESELAMATAN merupakan satu aspek yang paling penting dalam pengendalian makmal. Sikap dan kesedaran terhadap keselamatan makmal mesti dipupuk kepada semua peringkat pengguna samada pelajar mahupun kakitangan.

Keselamatan makmal adalah tanggungjawab bersama antara pihak pengguna dan pengurusan dan perlu diberikan perhatian yang serius pada masa ini.

Setiap individu yang terlibat perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang pentingnya menjaga keselamatan dan

sentiasa mengamalkan budaya kerja yang teratur, berdisiplin dan selamat.

Di atas kesedaran betapa pentingnya keselamatan, Jawatankuasa Keselamatan Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar telah mengadakan Seminar Kesedaran Keselamatan baru-baru ini bertempat di Putra Environmental Laboratory.

Seminar sehari ini dihadiri 110 pegawai makmal di Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar. Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Akademik), Fakulti Sains dan Pengajian

Alam Sekitar. Prof. Madya Dr. Johari Ramli.

Dalam ucapannya, Dr. Johari menyatakan bahawa tahap keselamatan di dalam makmal boleh ditingkatkan melalui peningkatan kesedaran dan sikap samaada secara pendidikan rasmi atau tidak dengan mematuhi peraturan asas untuk mencegah berlakunya malapetaka.

Tambah beliau tujuan seminar ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada para pengguna makmal tentang cara-cara yang terbaik dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan di dalam makmal yang meliputi beberapa



Dr. Yahya dari Pusat Kesihatan Pelajar menunjukkan kaedah pemulihan kepada peserta seminar

aspek penting yang biasa berlaku semasa melakukan kerja-kerja di dalam makmal.

Kemalangan di dalam makmal, apabila berlaku memerlukan pemikiran dan langkah positif yang berkesan. Ia juga memerlukan penilaian dan kawalan keadaan yang secukupnya sebelum kerja dapat diteruskan, lebih-lebih lagi dalam kead-

aan kecemasan.

Sebanyak 3 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut iaitu *Kesedaran Keselamatan Tanggungjawab Siapa?* Oleh Prof. Madya Dr. Elias Saion, *Keselamatan Kimia* oleh Dr. Sidik Silong, *Keselamatan Biologi* oleh Tengku Hanidza Tengku Ismail.

Selain itu seminar ini

juga menjemput Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan untuk satu slot khas iaitu Pencegahan Kebakaran dan Pertolongan Cemas.

Selain daripada pembentangan kertas kerja, semua peserta ditayangkan persembahan video bertajuk *Safety in the General Chemistry Laboratory* dan *Toxic Hazard in Industry*.